

BAHAGIAN A**(60 markah)**Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini

- 1 (a) Lengkapkan jadual di bawah ini bagi menunjukkan perbezaan antara bentuk-bentuk organisasi perniagaan yang berikut:

Aspek Perbezaan	Perkongsian Biasa	Syarikat Awam Berhad
Milikan (bilangan ahli)		
Undang-undang		

[4 markah]

- (b) Berikut ialah urus niaga Syarikat Ramzan yang memulakan perniagaan pada bulan Mac 2018.

Mac	6	Membeli perabot bernilai RM1 220 daripada Syarikat Daiwa secara kredit.
	12	Memulangkan sebahagian daripada perabot bernilai RM160 yang rosak kepada Syarikat Daiwa

Nyatakan kesan urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik di dalam jadual di bawah :

Tarikh	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik

[4 markah]

- (c) Terangkan maksud Kos Prima.

[2 markah]

- 2 Perkongsian Sentosa antara Samad dan Hassan beroperasi di bandar Kangar, Perlis. Berikut adalah Perjanjian Perkongsian mereka :

- (i) Untung rugi dibahagi dengan nisbah sama rata
- (ii) Faedah atas ambilan 4% setahun
- (iii) Faedah atas modal 5% setahun
- (iv) Gaji Samad RM12 000 setahun
- (v) Faedah atas pinjaman 6% setahun

Berikut diberikan maklumat tentang perkongsian mereka :

	Debit(RM)	Kredit(RM)
Pinjaman daripada Hassan		10 000
Kenderaan	72 573	
Belian	22 788	
Jualan		33 260
Alatan (kos)	5 000	
Susut nilai terkumpul alatan		500
Pulangan	200	515
Inventori pada 1 Ogos 2017	9 668	
Sewa		3 700
Gaji pekerja	6 980	
Akaun belum terima	4 000	
Akaun belum bayar		4 008
Insurans	1 200	
Bank		899
Peruntukan hutang ragu		150
Kadar bayaran	1 230	
Ambilan Hassan	2 000	
Ambilan Samad (dibuat pada 1 Februari 2018)	1 000	
Angkutan masuk	393	
Modal Samad		50 000
Modal Hassan		25 000
Akaun semasa Samad		5 000
Akaun semasa Hassan		4 000
Gaji Samad	10 000	

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 31 Julai 2018 bernilai RM12 102 pada harga kos dan RM12 201 pada harga pasaran.
- (ii) Sewa belum terperoleh RM400
- (iii) Alatan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas baki berkurangan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun belum terima.

Anda **dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2018. [8 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2018. [7 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi (beruangan). [6 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2018 . [4 markah]

- 3 Syarikat Percetakan Teguh Berhad adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan mencetak buku-buku dan majalah. Pada 13 September 2014, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 2 500 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 25 September 2014, semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh. Tempoh perakaunan berakhir 30 Jun setiap tahun. Keuntungan syarikat untuk empat tahun kewangan berakhir 30 Jun dari 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen RM
2015	200 000
2016	120 000
2017	220 000
2018	160 000

Anda dikehendaki :

- a) Menghitung Modal diterbitkan dan berbayar penuh. [2 markah]
- b) Merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am. [6 markah]
- c) Menyediakan lejar-lejar terbitan syer. [8 markah]
- d) Menghitung pembayaran dividen 8% syer keutamaan dan pembayaran dividen syer biasa bagi empat tahun tersebut. [8 markah]
- e) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018. [1 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan dalam bahagian ini

- 4 Puan Azizah merupakan pemilik Kilang Kasut Unggul. Imbangan Duga pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		274 100
Inventori Pada 1 Januari 2017:		
Bahan langsung	43 500	
Kerja dalam proses	15 000	
Barang siap	20 800	
Jualan		784 500
Komisen diterima		5 480
Alat-alat kecil pada 1 Januari 2017	5 500	
Peralatan (Kos)	190 000	
Kenderaan (Kos)	22 500	
Susut nilai terkumpul pada 1 Januari 2017:		
Peralatan		37 000
Kenderaan		9 000
Peruntukan hutang ragu		550
Belian:		
Bahan langsung	278 700	
Bahan tak langsung	10 460	
Pulangan belian bahan langsung		510
Belian alat-alat kecil	2 500	
Upah langsung	216 470	
Upah tak langsung	33 210	
Gaji pentadbiran kilang	11 500	
Gaji penyelia kilang	9 500	
Alat tulis	1 050	
Kadar bayaran	6 500	
Belanja pentadbiran pejabat	15 630	
Sewa	22 500	
Insurans	1 200	
Paten	500	
Belanja membaiki peralatan	3 900	
Hutang lapuk	200	
Ambilan	21 500	
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	124 820	67 550
Bank	121 250	
	1 178 690	1 178 690

Maklumat tambahan:

	RM
(i) Inventori pada 31 Disember 2017:	
- Bahan langsung	33 500
- Kerja dalam proses	22 500
- Barang siap	18 900
(ii) Gaji penyelia kilang belum bayar	1 580
(iii) Alat tulis belum digunakan	650
(iv) Komisen belum terperoleh	1 400
(v) Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:	
- Peralatan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan	
- Kenderaan 20% setahun atas kos	
- Pada 31 Disember 2017, alat-alat kecil dinilai semula sebanyak RM550	
(vi) Agihan perbelanjaan antara kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah 3:1.	

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

[20 markah]

5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kelab Belia Beseri, Perlis.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Bangunan kelab (kos)	100 000	100 000
Lengkapan danengkapan	-	9 000
Inventori kafetaria	3 200	2 400
Akaun belum terima kafetaria	2 000	2 600
Yuran belum terperoleh	400	1 200
Yuran belum terima	1 300	1 500
Kadar bayaran belum bayar	200	400
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	10 000	?
Bank	42 000	?

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab bagi tahun 2017:

Penerimaan:

	RM
Yuran ahli	55 000
Yuran masuk	2 000
Derma untuk membina gelanggang futsal	7 000
Jualan kafetaria	14 600
Sewa kanopi	1 500
Yuran pertandingan permainan rakyat	6 000
Akaun belum terima kafetaria	3 500

Pembayaran:

	RM
Upah pekerja kafetaria	1 500
Akhbar dan majalah	250
Insurans kelab	2 400
Kadar bayaran	1 600
Hadiah pertandingan permainan rakyat	3 600
Belian kafetaria	5 500
Lengkapan danengkapan	9 000
Kursus motivasi	3 600

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran lapuk adalah sebanyak RM850
- (ii) Sewa kanopi berjumlah RM600 masih belum diterima
- (iii) Susut nilai bangunan ialah 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [3 markah]
- (b) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017. [3markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [3 markah]
- (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [8 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dengan menunjukkan bahagian dana terkumpul sahaja. [3 markah]

- 6 Puan Aina Maisarah ialah pemilik AM Enterprise, sebuah perniagaan yang membekalkan pelbagai jenis kerepek di bandar Kangar, Perlis. Beliau telah merancang menyediakan anggaran belanjawan tunai untuk tiga bulan berakhir pada 31 Disember 2018.

Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaannya:

- i. Pada 1 Oktober 2018, Puan Aina Maisarah akan memulakan perniagaannya dengan modal:

	RM
Tunai di bank	14 000
Tunai di tangan	6 000
Peralatan kedai	20 000

- ii. Anggaran jumlah belian:

Oktober RM	November RM	Disember RM
8 000	10 400	13 500

60% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakiannya secara kredit. Tempoh kredit ialah sebulan.

- iii. Anggaran jualan bulan Oktober ialah RM12 000. Jualan bulan November dan Disember dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan bulanan diberi tempoh kredit sebulan.
- iv. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun belum terima.
- v. Puan Aina Maisarah bercadang untuk membuat pinjaman dari bank sebanyak RM30 000 berkadar faedah 6% setahun selama 60 bulan. Pinjaman dijangka akan diperolehi pada bulan November. Ansuran pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- vi. Perniagaan mempunyai 2 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 000 seorang. Pada bulan Disember seorang lagi pekerja diambil dengan gaji RM1200 sebulan.
- vii. Belanja bulanan adalah sewa sebanyak RM1 200, kadar bayaran RM850 dan Insurans RM500
- viii. Sebuah van terpakai RM30 000 dijangka akan dibeli dalam bulan November dengan bayaran pendahuluan RM6 000 dan bakiannya dibayar secara ansuran selama 5 tahun bermula pada bulan Disember.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2018.

[20 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT